

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peningkatan enrolmen pelajar iaitu seramai 560,428 orang di mana 218,494 pelajar lelaki dan 341,934 pelajar wanita pada tahun 2013 telah mengakibatkan fenomena ketidakseimbangan gender dan apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan fenomena sedemikian tidak menjejaskan kebolehpasaran kerjaya dan pembangunan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, dasar pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dibuat berasaskan sistem meritokrasi dengan mengambil kira 90 peratus akademik dan 10 peratus kokurikulum tanpa mewujudkan elemen diskriminasi jantina. Berdasarkan statistik pengajian tinggi negara pada tahun 2013, enrolmen pelajar di IPTA adalah seramai 560,428 pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar lelaki adalah seramai 218,494 orang iaitu 39% dan pelajar perempuan ialah 341,934 iaitu 61%. Fenomena ketidakseimbangan gender berlaku berdasarkan kepada enrolmen pelajar di IPTA sahaja.

Namun begitu, statistik keseluruhan enrolmen pengajian tinggi melibatkan IPTA, Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti adalah seramai 1,194,782 orang pelajar dengan mencatatkan taburan jantina yang agak

seimbang iaitu 530,929 pelajar adalah lelaki (45%) dan 663,853 pelajar adalah perempuan (55%).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedia maklum mengenai isu ketidakseimbangan gender di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara yang juga merupakan satu fenomena global. Bagi menangani isu ini secara menyeluruh, kaedah penilaian pelajar akan ditambah baik supaya tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata. Ini kerana menurut kajian, kaedah penilaian yang berorientasikan peperiksaan lebih memberikan kelebihan kepada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Sehubungan itu, penekanan terhadap kaedah penilaian pelajar yang seimbang juga turut diberi perhatian oleh pihak KPM di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Rjm15